

sepanjang jalan pulang

Walaupun kita mengembara ke seluruh dunia untuk mencari keindahan, kita harus membawa keindahan itu dalam diri kita; sekiranya tidak, kita pasti tidak akan menjumpainya...

Sunday, June 27, 2010

Sejarah Kuantan (1) : Jom Hebohkan...



Jom Heboh kembali lagi di Kuantan....!

Orang ramai berduyun-berduyun ke tapak 'pesta' Jom Heboh. Tidak salah

untuk ke sana. Terpulung kepada diri sendiri. Ada yang kata banyak barangan yang boleh dibeli....Cuma, jika kanak-kanak yang masih bayi dan yang belum boleh berjalan, dikelek dan didukung, berduyun-duyun menyusuri jalan di bawah matahari terik, rasanya tidaklah



begitu sesuai! Apatah lagi berpimpinan tangan membawa bersama nenek yang sudah kabur matanya. Terfikir di hati...sanggup mereka berpanas semata-mata untuk tidak ketinggalan dalam pesta tersebut...kalaulah begini juga semangat mereka untuk hadir ke majlis ilmu, alangkah bagusnyanya....!

Sejak Jom Heboh diperkenalkan, sama ada di Kuala Lumpur, atau di Kota Bharu, saya hanya mengikutinya dari jauh... 'meninjau' melalui media massa; belum pernah sekalipun menjejakkan kaki ke sana. Mungkin disebabkan oleh faktor usia atau tidak ada tujuan khusus untuk ke sana atau sememangnya kerana saya tidak suka berada dalam suasana hiruk pikuk, lebih-lebih lagi dalam keadaan cuaca yang panas begini....!

Tengah hari tadi, semasa keluar dari Stadium usai tugas untuk Kejohanan Sukan Sekolah, keadaan di luar stadium (yang merupakan sebahagian daripada tapak gerai pameran Jom Heboh, selain di Padang MPK2) penuh sesak dengan gerai pameran dan orang ramai. Pengunjung berpusu-pusu ke tapak pameran. Keadaan di jalan raya juga sesak sekali. Hari ini merupakan hari terakhir Jom Heboh yang bermula semalam.

Dalam entri kali ini, saya bukannya hendak berceles tentang JOM HEBOH. Biarlah kita ikuti liputan daripada penganjurnya sahaja yang "memberi ulasan selari" dan maklumat yang panjang lebar mengenai 'pesta' yang diadakan saban tahun ini...

Kesesakan yang teruk semasa dalam perjalanan pulang ke rumah dari tugas di Stadium Darul Makmur tadi, menunjukkan bahawa sambutan daripada rakyat negeri Pahang, khususnya warga Kuantan terhadap **PESTA JOM HEBOH** hangat sekali...


Dalam mengharungi kesesakan jalan raya itu, tiba-tiba terlintas di minda untuk menulis sesuatu tentang KUANTAN. Harapan saya agar catatan (yang akan dibuat dalam beberapa siri) ini dapat dikongsi dengan generasi muda khususnya warga Kuantan. Selepas ini, pengunjung blog ini, khususnya anak-anak didikku bolehlah 'mengheboh-hebohkan' **SEJARAH AWAL KUANTAN** ini kepada rakan-rakan yang lain, agar kalian dapat mengenali KUANTAN dengan lebih dekat lagi. Kuantan, tempat kalian dilahir dan dibesarkan....

Sebagaimana yang diketahui umum, **Kuantan ialah Ibu Negeri Pahang Darul Makmur** yang kini sedang pesat membangun bukan sahaja sebagai pusat pentadbiran, tetapi juga sebagai pusat perdagangan, pusat kewangan, dan pusat segala aktiviti sosial. Kuantan terletak kira-kira lima kilometer dari Laut China Selatan dan jauhnya dari Kuala Lumpur ialah 267.2 kilometer sahaja. Kuantan boleh dihubungi melalui jalan darat, laut dan udara. Pusat bandar Kuantan terletak di muara Sungai Kuantan dengan keluasan satu batu persegi (560 ekar).

BAGAIMANA KUANTAN MENDAPAT NAMA. Siapakah yang membuka, bilakah dibuka dan siapakah yang menamakan Kuantan tiada seorang pun yang dapat menentukannya. Melalui catatan sejarah, **Kuantan telahpun wujud semenjak awal tahun 1850-an lagi.** Kewujudan awal Kuantan pada kurun ke-19 bermula sebagai penempatan. **Abdullah Munsyi** pada 1851 @1852 menyentuh mengenai Kuantan seperti berikut :

"Hatta maka pada malam Khamis datanglah sebuah perahu kecil dari Kuantan. Maka berkhabarlah ia kepada anak-anak perahu mengatakan ada perahu lanun di Tanjung Tujuh, 40 buah dan di Pulau Kapas pun ada, dan di Pulau Badang pun ada, maka telah didapati dua buah perahu orang Kuantan dan dua buah perahu lepas lari".

About Me



roshanilawatey

seorang pendidik biasa yang ingin membawa anak didiknya menggapai kejayaan yang luar biasa...

[View my complete profile](#)

Blog Archive

- ▶ 2021 (3)
- ▶ 2020 (3)
- ▶ 2019 (16)
- ▶ 2018 (44)
- ▶ 2017 (26)
- ▶ 2016 (5)
- ▶ 2015 (8)
- ▶ 2014 (38)
- ▶ 2013 (46)
- ▶ 2012 (66)
- ▶ 2011 (110)
- ▼ 2010 (161)
 - ▶ December 2010 (13)
 - ▶ November 2010 (20)
 - ▶ October 2010 (26)
 - ▶ September 2010 (12)
 - ▶ August 2010 (9)
 - ▶ July 2010 (16)
 - ▼ June 2010 (30)

Sejarah Kuantan (5) : Kemudahan Pendidikan

Sejarah Kuantan (4) : Sistem Perhubungan & Pengang...

Sejarah Kuantan (3) : Pemodenan dan Perubahan Dasa...

Sejarah Kuantan (2) : Pusat Pengumpulan Hasil Biji...

Sejarah Kuantan (1) : Jom Hebohkan...

Gaza child talking about his life-English subtitle...

Corat-coret SUKAN sekolah...

renungan

ABE & Piala Dunia FIFA 1986

Di Padang Ilmu...

SELAMAT HARI BAPA

Temu Janji yang Tertangguh

Ceritera Klate (2) : nama negeri...

Ceritera Klate (1) : Umum

JEJAK SAHABAT (1)

Tukang Cerita @ Bari

Musim Bekwoh Nikah Kahwin

SELAMAT HARI LAHIR

Zubir Ali - Balada Seorang Gadis Kecil

Lambaian Afrika Selatan 2010...

TALI AIR & KENANGAN

KEWAJIPAN @ TANGGUNGJAWAB...?

JEJAK BERTAPAK

Menurut cerita lisan dari beberapa orang tua termasuk **Tuan Kechik bin Tuan Abdullah**, Batu Hitam, pada peringkat awalnya Kuantan lebih dikenali sebagai nama **Kampung Teruntum**. Penempatannya adalah di sekitar Muara Sungai Teruntum, iaitu kawasan berhampiran hospital sekarang. Ia telah dibuka oleh Haji Senik dan pengikutnya sekitar tahun 1850-an.

Semasa tinggal di sini, mereka mengusahakan **kawasan paya teruntum yang terletak di tapak hospital sekarang sehingga ke kawasan Sekolah Abdullah**. Air daripada paya yang dikerjakan oleh mereka turun ke Sungai Besar (sekarang dikenali sebagai Sungai Kuantan) melalui Sungai Teruntum. Selain mengerjakan paya tersebut, mereka juga menangkap ikan dan berniaga secara kecil-kecilan. Bukti kawasan tersebut pernah dijadikan penempatan ialah terdapatnya perkuburan Cik Timah yang berhampiran Taman Esplanade.

(Cik Timah ialah anak Haji Senik yang telah disemadikan di tanah perkuburan tersebut. Apabila taman Esplanade diwujudkan di situ, ia melibatkan sebahagian daripada tanah perkuburan tersebut dan pusara Cik Timah telah dipindahkan ke Beserah bersebelahan pusara ayahnya Haji Senik dan ada sehingga hari ini...)

Berhubung dengan nama 'Kuantan', dikaitkan pula dengan pembukaan sebuah kawasan di hulu di Kampung Teruntum oleh **orang Melayu dari daerah yang bernama Kuantan di Sumatera dengan diketuai oleh Encik Besar sekitar tahun 1854**. Rombongan ini telah dibenarkan membuka kawasan tersebut. Orang yang datang kemudiannya telah memanggil tempat tersebut sebagai Kampung Orang Kuantan. Oleh sebab "**Kampung Orang Kuantan**" itu terlalu panjang, maka dipendekkan dengan panggilan **KUANTAN** sahaja yang kekal sehingga ke hari ini.

Sumber : Dipetik dan diolah semula daripada monograf "PAHANG DALAM SEJARAH", Lembaga Muzium Negeri Pahang, 1989.

...bersambung/

at June 27, 2010 

Labels: [santai](#), [sejarah](#)

No comments:

[Post a Comment](#)

[Newer Post](#)

[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)

[Kisah Di sebalik RP KEMUBU](#)

[Nostalgia Musim Cuti Sekolah](#)

[Pasti Menjadi Kenangan : Dataran & Menara ...](#)

[Sepanjang Jalan Kenangan : Kereta Lembu, Cahaya &...](#)

[Sepanjang Jalan Kenangan : Padang Pahlawan dan Mem...](#)

[Menjejak Warisan Sejarah \(3\) : Bukit Cina & Puteri...](#)

[Menjejak Warisan Sejarah \(2\) : Banda Kaba](#)

► [May 2010 \(12\)](#)

► [April 2010 \(2\)](#)

► [March 2010 \(3\)](#)

► [February 2010 \(8\)](#)

► [January 2010 \(10\)](#)

► [2009 \(127\)](#)

Labels

- [syukur](#)
- [santai](#)
- [family](#)
- [nostalgia](#)
- [muhasabah](#)
- [sekolah](#)
- [sahabat](#)
- [warisan](#)
- [umrah](#)
- [doa](#)
- [sejarah](#)
- [ilmu](#)
- [madinah](#)
- [tanggungjawab](#)
- [iktibar](#)
- [Makkah](#)
- [smktp](#)
- [cuti](#)
- [famili](#)
- [Haji](#)
- [bahasa](#)
- [makanan](#)
- [Jengka](#)
- [tokoh](#)
- [tugas](#)
- [Hannan](#)
- [SRJK \(I\) Kota](#)
- [cucunda](#)
- [kesihatan](#)
- [aktiviti](#)
- [bersara](#)
- [lawatan](#)
- [leluhur](#)
- [masakan](#)
- [peperiksaan](#)
- [permainan](#)
- [rindu](#)
- [ulang tahun](#)
- [RIADAH](#)
- [reunion](#)
- [PT3](#)
- [SPM](#)
- [bekwoh](#)
- [buah nadir](#)
- [d'LAvender](#)
- [elit](#)
- [hijrah](#)
- [hobi](#)
- [kembara](#)
- [nadir](#)
- [raya](#)
- [sukan](#)
- [tumbuhan](#)